

BN akan pastikan hasrat DAP terkubur

PULAU PINANG 19 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang akan memastikan hasrat Lim Kit Siang dan DAP untuk menawan pulau ini dalam projek Tanjung III terkubur bersama impiannya itu.

Katanya, BN Pulau Pinang sentiasa bersedia menghadapi tentangan Kit Siang dan partinya dalam pilihanraya umum akan datang.

"Kita bukanlah bekerja untuk menghadapi pilihanraya seperti setengah-setengah orang tetapi kita berkhidmat kepada rakyat pada sepanjang masa...oleh itu Setiausaha Agung scumur hidup itu akan melihat impian Tanjung III akan menuju ke tengah laut dan tenggelam sekali lagi.

"Kita juga nak tengok apakah dia akan meletakkan jawatannya selepas gagal menawan Pulau Pinang untuk kali ketiga," ujarnya dalam sidang akhbar selepas melawat Pusat Pembangunan Kemahiran

Pulau Pinang (PSDC) di Bayan Lepas petang ini.

Dr. Mahathir berkata demikian apabila ditanya apakah pandangannya mengenai Pulau Pinang selepas dua hari berada di sini.

Beliau juga menyatakan rasa puas hatinya dengan perkembangan pembangunan di negeri ini.

Kepada soalan adakah Kerajaan BN Pulau Pinang bersedia untuk menghadapi pilihanraya umum dan berhadapan dengan Tanjung III Kit Siang, Perdana Menteri berkata;

"Kita perlulah yakin jika kita hendak ke medan perang, kita mestilah bersedia untuk menghadapi siapa sahaja dan dalam hubungan ini saya percaya kita mampu mengekalkan kedudukan yang ada."